

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN PERSATUAN
KONTRAKTOR MELAYU MALAYSIA KALI KE-20
DI GRAND SEASONS, KUALA LUMPUR
19 SEPTEMBER 1999

Saya ucapkan terima kasih kepada seluruh warga kontraktor melayu kerana menjemput saya pada hari ini untuk merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia kali ke-20.

2. Majlis ini memberi peluang kepada saya untuk bersua muka dengan ahli-ahli Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dari seluruh negara di samping merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara ahli-ahli di mana ia juga dapat membantu mengukuh dan memantapkan lagi pkmm sebagai sebuah badan yang mewakili ahli-ahli kontraktor Melayu. Saya gembira bahawa hubungan di antara pkmm dan kerajaan selama ini adalah amat erat dan sentiasa bekerjasama rapat di antara satu sama lain. Di samping itu, wujud hubungan dan persefahaman yang baik di antara pucuk pimpinan PKMM dan kerajaan.

3. Hubungan erat, kerjasama rapat dan persefahaman ini telah membantu kedua-dua pihak memahami peranan masing-masing dan ini telah membolehkan kedua-duanya menyumbang dengan lebih berkesan kepada pembangunan dan kemajuan negara. Malah hubungan dan kerjasama yang erat inilah yang telah membolehkan malaysia membangun dengan pesat dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang baik.

4. Kejayaan ekonomi dan kemakmuran negara yang sedang kita kecapai sekarang adalah hasil gabungan usaha gigih kerajaan, sektor swasta dan juga kontraktor-kontraktor. Kunci kepada kejayaan ini juga adalah hasil kerjasama yang padu daripada semua pihak. Persefahaman dan kefahaman tentang matlamat yang hendak dituju dan peranan yang perlu dimainkan oleh setiap pihak amat penting di dalam menjayakan inspirasi kerajaan.

5. PKMM sebagai sebuah organisasi atau "payung" kepada ahli-ahlinya perlu peka kepada perubahan dan berupaya mengalih haluan dengan cepat dan menggembelng usaha secara tersusun serentak dengan arus perubahan tersebut. Di sinilah pentingnya setiap pemimpin organisasi perlu kritis terhadap hubungannya dengan persekitaran dan sentiasa menyoal tentang relevannya usaha untuk kebaikan ahli. Organisasi yang berjaya sentiasa mengambil berat kehendak dan keperluan ahli-ahlinya.

6. Di dalam dunia perniagaan, pengurusan organisasi mestilah mengenalpasti peluang sepanjang masa. Sebenarnya peluang berniaga di Malaysia amat luas. Pengurusan tidak harus memasuki hanya bidang yang sudah padat dipenuhi oleh peniaga lain. Pengurusan hendaklah lebih inovatif dan menerokai bidang-bidang yang baru bagi Malaysia walaupun ianya mungkin jenis biasa di negara-negara maju. Tiap perkembangan dalam dunia perniagaan hendaklah diteliti oleh pengurusan supaya peluang yang baik tidak terlepas kepada peniaga lain.

7. Jika kita bandingkan cabaran hari dengan cabaran tiga puluh tahun yang lalu, perbezaannya amat nyata. Sejak dasar ekonomi baru mula diperkenalkan pada tahun 1970, peniaga melayu amat jauh ketinggalan. Waktu itu amat sukar untuk

mencari seorang peniaga Melayu yang telah berjaya apatah lagi untuk melahirkan seorang usahawan yang telah menempah nama dalam dunia perniagaan. Kerana itu kita tidak ada jalan lain melainkan menggubal dasar tersebut bagi memastikan orang Melayu tidak ditinggalkan jauh. Tetapi keadaan ini telah jauh berubah. Mereka sudah ada kemampuan untuk bersaing dengan kaum-kaum lain. Saingan ini akan menjadi lebih hebat lagi apabila kita memasuki alaf baru dengan masing-masing pihak menggunakan pendekatan yang lebih agresif untuk mendapatkan kontrak.

8. Proses globalisasi dan liberalisasi akan membawa saingan daripada peniaga-peniaga luar negara. Mereka akan membawa teknologi dan cara pengurusan baru, yang pastinya lebih bermutu. Justeru itu ini akan menjadi cabaran kepada peniaga-peniaga Melayu, terutamanya kontraktor Melayu. Waktu itu perebutan kontrak akan menjadi lebih kompetitif. Ini bermakna kita mesti bersiap sedia. Persaingan memerlukan inovasi. Sebagai kontraktor, saudara mestilah mampu memberikan khidmat yang bermutu tinggi dengan kos yang berpatutan tetapi tanpa mengorbankan kualitinya. Dalam hal ini kita mesti bersedia melabur demi untuk mengurangkan kos bagi mendapatkan bahan-bahan. Dalam lain perkataan, dengan kemajuan I.T. hari ini, tugas itu akan menjadi lebih mudah dengan segala-galanya boleh dilakukan melalui komputer, ini termasuk mereka bentuk bangunan. Tetapi sejauh manakah persediaan para kontaktor melayu kita? Untuk berdaya saing tidak ada jalan mudah oleh itu, buatlah persediaan jika kita mahu bersaing dengan kaum-kaum lain.

9. Justeru itu, dalam menghadapi era teknologi maklumat kita perlu mengubah cara kita bekerja, cara berfikir, cara hidup dan cara menangani masalah. Tidak ada sesiapa yang boleh mengasingkan diri daripada masyarakat dunia dan teknologi yang canggih ini. Daya saing ekonomi negara di masa depan bergantung kepada kesediaan kita untuk menggunakan teknologi maklumat dan menjadi pekerja berilmu. Teknologi komputer dan multimedia boleh membantu kita menjalankan tugas-tugas dengan lebih produktif dan lebih berkesan. Kita tidak boleh lagi tinggal di belakang menjadi miskin dan akur dengan kehendak orang lain. Yang penting ialah kesanggupan kita memiliki kemahiran dengan melalui usaha yang gigih dan dedikasi. Penguasaan bahasa-bahasa lain juga penting kepada kontraktor-kontraktor di dalam menyahut cabaran alaf baru melalui kerajinan, ketekunan dan kesabaran jika kita berbuat demikian insya-Allah kita akan berjaya dan akan dapat membangunkan bangsa kita.

10. Ahli-ahli pkmm perlu belajar daripada mereka yang berjaya dan mengambil iktibar daripada kegagalan lepas. Kegagalan lepas dijadikan pengajaran untuk perjuangan yang lebih gigih di masa akan datang. Kita patut terus bersaing dan mengambil peluang untuk mendapat manfaat daripada penyertaan dan berkeyakinan untuk meningkatkan prestasi pada setiap masa.

Tuan-tuan,

11. Wawasan 2020 telah menyediakan landasan dan matlamat yang amat penting bagi menentukan nasib negara pada masa depan. Maju mundurnya negara serta kedudukan martabat bangsa kita bergantung kepada keupayaan kita dalam merealisasikan wawasan ini serta membudayakan nilai-nilai yang baik dengan pegangan dan maruah kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

12. Untuk mencapai matlamat ini kita perlu menterjemahkan kepada pelaksanaannya secara strategik. Matlamat tugas sebesar ini tidak boleh dapat

dibuat oleh satu pihak sahaja. Ia juga tidak mungkin berjaya sekiranya ramai di antara kita tidak sehaluan. Di sinilah pentingnya persefahaman, pembahagian peranan dan tanggungjawab.

13. Kerajaan juga telah menubuhkan majlis bertindak ekonomi negara yang mana majlis ini telah memainkan peranan penting dalam merancang dan melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu diambil untuk menjadikan negara kita lebih berdaya saing di peringkat global bagi mengatasi masalah-masalah kewangan dan ekonomi semasa. MTEN dibawah pimpinan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengejutkan dunia dengan tindakan- tindakan yang inovatif yang telah berjaya memulihkan ekonomi negara. Bila kerajaan Malaysia mengumumkan dasar pengawalan modal satu tahun yang lalu untuk melindungi ekonomi kita dikritik oleh pakar-pakar ekonomi dunia. Tetapi setelah ekonomi kita pulih, mereka mula mengaku bahawa malaysia telah berjaya mengikut cara sendiri. Ini menunjukkan bahawa kerajaan Malaysia berani menyoal pandangan-pandangan yang dipegang oleh pemimpin barat. Kita berjaya kerana kita tahu keadaan negara kita. Kini pembangunan infrastruktur telah kembali aktif dan ini juga telah memberi peluang pekerjaan di dalam sektor- sektor pembinaan. Kerajaan sememangnya komited untuk membantu kontraktor-kontraktor melayu di dalam mendapat dan mengagihkan projek. Kerajaan telah menganugerahkan sebanyak 50 buah sekolah kepada pkmm untuk diagihkan kepada ahli-ahli. Begitu juga dengan beberapa projek lain yang telah pun dianugerahkan kepada persatuan yang berjumlah ratusan juta ringgit.

14. Kerajaan juga komited untuk meneruskan projek menaikkan taraf jalan-jalan kampung di bawah "konsep payung" yang dijalankan oleh kementerian Pembangunan Luar Bandar dan memastikan seberapa banyak kontraktor- kontraktor kelas 'F' diberi peluang bagi mengendalikan projek-projek tersebut mengikut giliran. Kerajaan akan memantau agar projek-projek ini tidak di "ali babakan".

15. Kerajaan juga telah memberi arahan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang berkaitan untuk mempercepatkan bayaran kepada kontraktor-kontraktor yang telah selesai menjalankan projek- projek yang telah diserahkan kepada mereka.

Tuan-tuan sekalian,

16. Malaysia walaupun telah dilanda dengan kegawatan ekonomi sejak dua tahun lepas tetapi masih lagi aman dan makmur berkat usaha gigih kerajaan dan juga kesabaran rakyat. Oleh itu, bagi kesinambungan kepada agenda pembangunan negara, kita memerlukan sebuah kerajaan yang kukuh dan dapat mempertahankan maruah bangsa. Tanpa kerajaan yang kukuh pembangunan kepada rakyat akan terjejas dan maruah bangsa akan tercabar.

17. Di dalam aspek menebus maruah bangsa dan agama, kita mestilah mencapai kemajuan sekurang-kurangnya sama dengan kemajuan bangsa-bangsa lain yang dikatakan maju dan disegani di seluruh dunia. Perjuangan kita masih belum selesai, banyak perkara lagi yang perlu diberi perhatian dan tindakan oleh kerajaan.

18. Jika kita ingin maju kerana kemajuan di dunia sama penting dengan kebahagiaan di akhirat; jika kita ingin maju kerana kita menghargai maruah kita; jika kita maju kerana kita ingin dipertuankan secara sebenar maka hendaklah kita menentukan bahawa kita berkeupayaan dan mempunyai kedudukan untuk menjadi "tuan". Oleh

itu, kita perlu memiliki ilmu dan kecekapan mengikut peredaran masa. Kita mesti mempunyai sebuah kerajaan yang kukuh dan juga kestabilan politik demi maruah agama, bangsa dan negara.

19. Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim dan dengan sukacitanya saya merasmikan mesyuarat agung tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia kali ke-20.

Terima kasih.